

# QasehSetia

Pelan Insurans Hayat Mampu  
Milik untuk Menjamin  
Kesejahteraan Masa  
Depan Keluarga  
Tersayang



FWD Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi FWD Insurance Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

V1/03/2025

# Melindungi orang tersayang anda seharusnya semudah ini

Keluarga anda adalah segalanya. Memastikan keluarga anda sentiasa terlindung merupakan satu tanggungjawab besar. Namun begitu, ia tidak seharusnya membebankan anda.

**Qaseh Setia** menawarkan perlindungan kewangan yang mudah dengan harga berpatutan untuk anda dan orang tersayang anda. Ia direka khas untuk memberi kelegaan supaya keluarga anda sentiasa terlindung, walaupun anda tiada di sisi.

Dengan **Qaseh Setia**, melindungi keluarga semudah seperti anda menyayangi mereka.



Imej untuk tujuan ilustrasi sahaja.

Tertakluk pada terma dan syarat.

# Manfaat-manfaat

## Premium Berpatutan

Nikmati perlindungan sehingga **RM90,000** daripada hanya **RM0.20\*** sehari, bersesuaian dengan keperluan anda.

\*Sila rujuk Jadual Manfaat untuk maklumat lanjut.

## Perlindungan atas Kematian & HUMK

Pelan ini meringankan beban kewangan anda dan orang tersayang anda sekiranya berlaku Kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK).

Anda atau orang tersayang anda akan menerima bayaran sekali gus untuk:

- Kematian Akibat Kemalangan, sehingga **RM90,000**; atau
- Kematian Akibat Bukan Kemalangan, sehingga **RM15,000**; atau
- Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK), sehingga **RM15,000**.

## Perbelanjaan Pengebumian

Selain itu, kami akan memberikan bayaran sekali gus sehingga **RM3,000** untuk membantu orang tersayang anda menanggung kos pengebumian apabila anda tiada di sisi.

## Pendaftaran yang Mudah dan Senang

Dapatkan perlindungan segera tanpa pemeriksaan perubatan diperlukan.

## Jadual Manfaat

Manfaat	Pelan 70 (RM)	Pelan 110 (RM)	Pelan 150 (RM)
Manfaat Kematian Akibat Bukan Kemalangan <sup>1</sup>	7,000	11,000	15,000
Manfaat Kematian Akibat Kemalangan	42,000	66,000	90,000
Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) <sup>1</sup>	7,000	11,000	15,000
Perbelanjaan Pengebumian <sup>1</sup>	1,400	2,200	3,000
Premium Tahunan	70	110	150

<sup>1</sup>Tempoh Menunggu 30 hari bagi punca berkaitan bukan kemalangan.

## Bagaimana ia Berfungsi



Aziz, umur 30

Membeli **Qaseh Setia** untuk melindungi keluarganya dan memilih **Pelan 150** dengan perlindungan sehingga **RM90,000**.

Umur 30  
Tahun

Umur 58  
Tahun

Premium Tahunan: RM150

Perbelanjaan Pengebumian

**RM3,000**

Manfaat Kematian  
Akibat Kemalangan  
**RM90,000**

atau

Manfaat Kematian  
**RM15,000**

atau

Manfaat HUMK  
**RM15,000**



Sila rujuk Helaian Keterangan Produk atau Penyata Maklumat Polisi untuk maklumat lanjut.

## Soalan-soalan Lazim



### Adakah saya layak?

**Qaseh Setia** ditawarkan kepada semua warga Malaysia berumur 18 hingga 55 tahun berdasarkan hari jadi berikutnya. Pemohon yang layak harus berfikiran waras. Semua kumpulan pekerjaan dibenarkan kecuali Kumpulan 5. Untuk merujuk senarai kumpulan pekerjaan, sila lawati <https://www.fwd.com.my/support/faq>.

### Berapakah harganya?

Premium adalah serendah RM70 setahun, bergantung pada pelan yang dipilih.

Untuk terus menikmati perlindungan sehingga umur 58 tahun, anda perlu membayar premium sepanjang tempoh perlindungan.

### Bagaimakah saya boleh beli atau ketahui maklumat lebih lanjut tentang Qaseh Setia?

Anda boleh membeli **Qaseh Setia** atau mengetahui lebih lanjut di [fwd.com.my/ms/partner-bsn/life/qaseh-setia/](http://fwd.com.my/ms/partner-bsn/life/qaseh-setia/) atau kunjungi cawangan Bank Simpanan Nasional yang terdekat.

### Bagaimakah saya boleh membayar premium untuk pelan yang dipilih?

Anda boleh membayar premium di cawangan Bank Simpanan Nasional yang terdekat atau melalui perbankan dalam talian (FPX) atau menggunakan kad debit/kredit anda melalui gerbang pembayaran yang selamat. Jika anda memilih untuk membayar premium menggunakan kad debit/ kredit, FWD Insurance akan caj premium pembaharuan secara automatik di atas kad tersebut pada ulang tahun sijil.

### Bagaimana saya boleh memperbaharui pelan saya sebelum ia tamat?

Untuk kemudahan anda, sila pilih pembaharuan automatik semasa pembelian atau semasa ulang tahun sijil. Harap maklum bahawa pemilihan pembaharuan automatik tidak bermaksud bahawa pelan anda adalah terjamin untuk diperbaharui semasa ulang tahun sijil.

Keputusan untuk memperbaharui polisi adalah tertakluk pada budi bicara FWD Insurance. Anda akan dimaklumkan melalui notis 60 hari terlebih dahulu sekiranya kami tidak memperbaharui polisi anda.

### Apakah itu Perlindungan Tenang?

Perlindungan Tenang merupakan inisiatif oleh Kerajaan Malaysia untuk memperluaskan perlindungan sosial kepada golongan berpendapatan rendah.

**Qaseh Setia** adalah produk di bawah Perlindungan Tenang, yang mudah untuk anda beli atau serta. Satu pelan perlindungan insurans yang berpatutan dan mudah difahami, dengan proses tuntutan yang mudah.

Tertakluk pada terma dan syarat.

**Bagaimana keluarga saya boleh membuat tuntutan kematian?**

## **Langkah 1**

Muat turun Borang Tuntutan Kematian di [fwd.com.my/claims/#insurance](http://fwd.com.my/claims/#insurance) dan lengkapkan borang tersebut

## **Langkah 2**

Sediakan dokumen-dokumen berikut:

- Salinan Sijil Kematian
- Salinan Kad Pengenalan
- Bukti hubungan
- Salinan laporan polis (bagi kematian akibat kemalangan)
- Salinan laporan bedah siasat dan laporan toksikologi (bagi kematian akibat kemalangan)

## **Langkah 3**

Hantar dokumen ke cawangan FWD dan BSN yang terdekat

Sila ambil perhatian bahawa keperluan penghantaran di atas hanya sebagai rujukan asas. Kami berhak untuk meminta dokumen dan maklumat lain yang berkaitan. Bagi mempercepat proses tuntutan, sila hubungi Talian Khidmat Pelanggan FWD di 1300 22 6262 atau e-mel ke [ask@fwd.com](mailto:ask@fwd.com).

**Bagaimana saya boleh membuat tuntutan manfaat HUMK?**

## **Langkah 1**

Muat turun Borang Tuntutan HUMK di [fwd.com.my/claims/#insurance](http://fwd.com.my/claims/#insurance) dan lengkapkan borang tersebut

## **Langkah 2**

Bergantung kepada punca hilang upaya, berikut adalah beberapa dokumen sokongan yang diperlukan untuk tuntutan TPD:

- Laporan Perubatan daripada Doktor yang Merawat (diisi oleh doktor)
- Salinan Kad Pengenalan
- Salinan keputusan ujian darah dan semua laporan radiologi
- Salinan Surat dan laporan perubatan daripada PERKESO
- Salinan Surat pemberhentian kerja atas sebab kesihatan daripada majikan
- Salinan Laporan Polis (bagi HUMK akibat kemalangan)

## **Langkah 3**

Hantar dokumen ke cawangan FWD dan BSN yang terdekat

Sila ambil perhatian bahawa keperluan penghantaran di atas hanya sebagai rujukan asas. Kami berhak untuk meminta dokumen dan maklumat lain yang berkaitan. Bagi mempercepat proses tuntutan, sila hubungi Talian Khidmat Pelanggan FWD di 1300 22 6262 atau e-mel ke [ask@fwd.com](mailto:ask@fwd.com).

Tertakluk pada terma dan syarat.

## Berapa lama masa yang diperlukan untuk memproses tuntutan saya?

Ia mengambil masa sehingga 5 hari bekerja (bagi Manfaat Kematian) dan sehingga 7 hari bekerja (bagi Manfaat HUMK) untuk memproses tuntutan selepas penerimaan dokumentasi yang diperlukan daripada anda.

## Apakah sebahagian daripada pengecualian utama di bawah produk ini?

Manfaat Kematian Akibat Bukan Kemalangan, Manfaat Kematian Akibat Kemalangan, atau Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) TIDAK akan dibayar jika tuntutan berpunca daripada:

**Bunuh diri, cubaan membunuh diri atau tindakan mencederakan diri sendiri**

Bunuh diri, cubaan membunuh diri, atau tindakan mencederakan diri sendiri yang dilakukan oleh Orang yang Diinsuranskan dalam tempoh satu tahun dari permulaan sijil, tanpa mengira keadaan mental.

**Tindakan berperang**

Tindakan berperang (sama ada diisyiharkan atau tidak), rampasan kuasa, revolusi, rusuhan, atau apa-apa peristiwa yang seumpama dengannya.

**Tindakan menyalahi undang-undang**

Apabila Orang yang Diinsuranskan menyertai tindakan yang menyalahi undang-undang atau gagal untuk bertindak mengikut undang-undang.

Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) TIDAK akan dibayar jika tuntutan berpunca daripada:

**Penyakit sedia ada**

Penyakit sedia ada, sama ada secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhan atau sebahagian.

Pengecualian yang dinyatakan di atas adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Helaian Keterangan Produk atau Penyata Maklumat Polisi untuk maklumat lanjut.

Sila layari [fwd.com.my/ms/partner-bsn/life/qaseh-setia/](http://fwd.com.my/ms/partner-bsn/life/qaseh-setia/) untuk maklumat lanjut.

## Adalah pelan ini layak untuk pelepasan cukai?

Ya, anda boleh menikmati pelepasan cukai hingga RM3,000 di bawah kategori Insurans Hayat, tertakluk kepada keputusan akhir Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN).

## **Nota Penting**

**Qaseh Setia adalah pelan insurans hayat kumpulan bertempoh tanpa penyertaan dan boleh diperbaharui setiap tahun (pembaharuan adalah tidak terjamin).**

Anda harus berpuas hati bahawa pelan ini adalah bersesuaian untuk memenuhi keperluan anda dan premium yang perlu dibayar adalah jumlah yang anda mampu.

Kadar premium pembaharuan pelan ini adalah tidak terjamin. Kami berhak untuk menyemak kadar premium dengan memberikan notis 90 hari terlebih dahulu kepada anda.

Anda diberikan tempoh tenggang selama 31 hari selepas tarikh tamat tempoh untuk membuat pembayaran premium anda. Kegagalan untuk membayar premium boleh menyebabkan perlindungan ditamatkan.

Tempoh Pengamatan Percuma selama 15 hari diberikan untuk anda menyemak kesesuaian pelan selepas anda menerima sijil. Jika anda memaklumkan kami untuk membatalkan sijil anda dalam tempoh ini, semua premium yang telah dibayar akan dikembalikan kepada anda, tanpa faedah, dan sijil akan dianggap terbatas dari permulaan.

Jika terdapat sebarang perbezaan antara risalah versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Risalah ini adalah untuk maklumat umum sahaja. Ia bukan kontrak insurans. Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada Helaian Keterangan Produk dan contoh dokumen polisi untuk ciri-ciri penting dan manfaat pelan yang terperinci sebelum membeli pelan.

Sila rujuk kepada kakitangan cawangan Bank Simpanan Nasional untuk maklumat lanjut.



# PERLINDUNGAN terang

MAMPU & MUDAH

## Pelan Mikro Insurans dan Mikro Takaful Mampu Milik

Dengan kerjasama



\*Tertakluk pada terma & syarat

Lawati cawangan Bank Simpanan Nasional terdekat anda di [bsn.com.my/page/locate-us](http://bsn.com.my/page/locate-us) atau layari [www.bsn.com.my](http://www.bsn.com.my)

Pelan ini diedarkan oleh **Bank Simpanan Nasional**

Ibu Pejabat  
Wisma BSN  
117, Jalan Ampang,  
50450, Kuala Lumpur  
**Pusat Hubungan:** 1300 88 1900  
**Laman Web:** [www.bsn.com.my](http://www.bsn.com.my)

Pelan ini diunderit oleh **FWD Insurance Berhad 199301022976 [277714-A]**

Ibu Pejabat  
Level 21, Mercu 2,  
No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City,  
59200 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan.  
**Talian Khidmat Pelanggan:** 1300 22 6262  
**E-mel:** [ask@fwd.com](mailto:ask@fwd.com)  
**Laman Web:** [www.fwd.com.my](http://www.fwd.com.my)

FWD Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.